

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[ GERIK ]**

**TARIKH : 17 MAC 2014 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB Dato' Hasbullah bin Osman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah pembinaan High Speed Railway (HSR) dapat memberi kesan terhadap ekonomi Negara serta hubungan diplomatik antara Malaysia dan Singapura dan apakah kesan pembinaan HSR terhadap perkhidmatan keretapi (KTM) dan perkhidmatan penerbangan antarabangsa KLIA di Malaysia.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. *High Speed Rail* (HSR) dijangka dapat menjadi pemangkin ekonomi negara pada masa hadapan, di samping menggalakkan aktiviti perniagaan antara bandar-bandar di sepanjang jajaran. Industri-industri utama yang dijangka menerima manfaat daripada pembangunan projek HSR ini termasuklah sektor pelancongan, hartanah, perkilangan dan lain-lain.

2. Inisiatif pembinaan HSR ini juga merupakan satu perkembangan strategik dalam hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura yang akan meningkatkan jaringan hubungan antara kedua-dua buah negara selaras dengan kesepakatan ASEAN untuk mengukuhkan kesalinghubungan ASEAN (*ASEAN Connectivity*). Selain akan membuka satu era baru bagi pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh, ia dilihat dapat merapatkan hubungan antara rakyat kedua-dua negara.

3. Perkhidmatan HSR dijangka melengkapinya dan bukan sebagai saingan kepada jaringan pengangkutan rel di kawasan Selatan Semenanjung Malaysia. Bandar-bandar yang sebelum ini tidak mendapat perkhidmatan KTM berkemungkinan akan menikmati perkhidmatan HSR. Berdasarkan contoh-contoh antarabangsa, HSR dijangka akan memberi impak kepada hasil pendapatan daripada

perkhidmatan udara antara Kuala Lumpur dan Singapura. Walaubagaimanapun, syarikat-syarikat penerbangan dunia secara lazimnya telah berjaya menyesuaikan strategi perniagaan secara lebih kreatif untuk menangani situasi tersebut, seperti menggunakan strategi "*code share*" antara syarikat HSR and syarikat penerbangan bagi meluaskan lagi rangkaian perkhidmatan yang ditawarkan.

Sekian, terima kasih.